



SKUAD bola keranjang 3 on 3 UMS menang pingat perak Sukan MASUM.

# Wanita UMS menang perak

## ► Bola keranjang 3 on 3 Sukan MASUM

UB 22.7.2018 A11

Oleh VITALIS G  
BINGKASAN

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) kalah tipis 9-10 di tangan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada final bola keranjang 3 on 3 wanita Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa 1 di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada Sabtu.

Ia adalah kekalahan pertama pasukan wanita UMS yang dibarisi Long Wan Lin (ketua

pasukan), Chin Yee Ting, Liong Kum Peik dan Sophia Chiu Hung itu untuk terpaksa hanya berpuas hati membawa balik pingat perak.

Bersama pasukan adalah pengurus pasukan, Charles Thomas dan jurulatih berasal dari Republik Czech, Jan Holubac yang mempunyai kelayakan kejurulatihan Persatuan Bola Keranjang Antarabangsa.

Pengarah Pusat Sukan UMS Mohd Asyraf Fong Abdullah berkata, ia adalah perlawanan akhir yang sengit

dengan kedua-dua pasukan berbalas serangan untuk saling kejar mengejar jaringan.

"Bagaimanapun UMS akhirnya akur dengan kekalahan tipis tetapi ia tetap pencapaian membanggakan kerana UPM diperkuatkan dengan pemain negeri dan kebangsaan," kata Asyraf dalam kenyataan menerusi aplikasi WhatsApp pada Sabtu.

Sebelum itu, UMS menumpaskan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) 15-6 pada pusingan separuh akhir untuk

mara ke final.

Saingan peringkat kumpulan membabitkan tiga pasukan menyaksikan UMS menang 18-1 ke atas Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan menumpaskan Universiti Utara Malaysia (UUM) 13-4.

UMS hanya mengambil bahagian dalam acara bola keranjang 3 on 3 wanita dan lelaki pada sukan yang berlangsung sejak 15 Julai dan berakhir pada Sabtu itu.

Pasukan lelaki kandas di suku akhir.